

TARIKH	3 / 12 / 2013	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	15	RUANGAN	Rakyat

LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA

Syor TH tambah baik modul rayuan sistem haji

Kuala Lumpur: Prestasi Lembaga Tabung Haji (TH) bagi keseluruhan operasi haji musim lalu adalah baik berikutan perancangan teliti dan pengurusan jemaah yang lancar.

Langkah memperkenalkan Indeks Prestasi Perkhidmatan Haji atau Indeks Kepuasan Pelanggan, membantu TH menilai pencapaian sebenar terhadap sasaran ditetapkan setiap tahun, sekali gus menunjukkan komitmen syarikat itu untuk terus memberi perkhidmatan muas-

sasah terbaik bagi jemaah Malaysia.

Laporan Ketua Audit Negara 2012 Siri 3 bagaimanapun mengesyorkan TH melakukan penambahbaikan bagi kawalan dalaman sistem haji terutama dalam modul rayuan bagi memastikan pembekal tiada akses untuk menjana laporan dalam sistem.

Pastikan transaksi sah

Semakan mendapati (perlu) ada penambahbaikan dalam kawa-

lan input bagi memastikan hanya transaksi sah diproses oleh komputer supaya ia tidak hilang, ditokok tambah dan berlaku duplikasi.

Baiki kelemahan

Hasil pengauditan 'walkthrough' mendapati sistem membenarkan pencetakan surat tanpa pengesahan yang berpunca daripada 'pop up window' yang tidak diwujudkan bagi mengingatkan pengguna untuk membuat pengesahan.

Jabatan Audit Negara turut mengesyorkan TH agar membaharui Perjanjian Penyelenggaraan Sistem bagi memastikan integriti data dijamin demi melindungi kepentingan badan itu.

Dalam kenyataan maklum balasnya, TH menyatakan penambahbaikan akan dijalankan dengan cetakan hanya dibenarkan selepas status rayuan berjaya dikemas kini dan ia dijangka siap pada suku ketiga tahun ini.